

Keentingan Amalan Kitar Semula

Mengurangkan pencemaran alam sekitar

- Jumlah sampah yang mencemarkan alam sekitar dapat dikurangkan
- Kemusnahan dan pencemaran alam sekitar dapat diminimumkan
- Kawasan persekitaran bertambah bersih, ceria, selesa dan selamat untuk dihuni

Menghasilkan keluaran bernilai

- Produk yang dihasilkan melalui kitar semula boleh digunakan sendiri atau dijual
- Baja kompos dapat dihasilkan daripada sisa makanan yang dibuang
- Kain selimut dan sarung bantal dapat dihasilkan daripada fabrik lama seperti baju lama

Menjimatkan kos penyelenggaraan

- Kos pengutipan, pengurusan, penyelenggaraan dan pemuliharaan tapak pelupusan sampah serta kawasan yang dicemari dengan sampah dan sisa dapat dijimatkan

Mengelakkan pembaziran dan menjimatkan sumber semula jadi

- Aktiviti pengurangan, penggunaan semula dan kitar semula dapat menjimatkan penggunaan sumber semula jadi
- Sumber semula jadi dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang

Meminimumkan kesan rumah hijau

- Pembakaran sampah dan bahan api dapat dikurangkan melalui proses kitar semula
- Pembebasan gas-gas toksik dapat diminimumkan

Menjana sumber pendapatan

- Pendapatan diperolehi daripada aktiviti:
 - memungut, mengasingkan dan menjual sisa pepejal
 - menghasilkan produk baharu daripada barangan kitar semula dan menjual produk tersebut untuk menjana pendapatan

